

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 28**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil kajian penuh berkesan perkhidmatan "Gojek" terutamanya dari sudut aspek keselamatan pengguna wanita dan kanak-kanak serta pematuhan Syariah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 November 2019 telah bersetuju supaya syarikat perniagaan pengantaraan yang akan menyediakan perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan menggunakan motosikal (*bike-hailing*) dikawal selia melalui kaedah/peraturan pelesenan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].
2. Perkhidmatan *bike-hailing* ini akan dikenakan syarat-syarat yang setara seperti mana telah ditetapkan ke atas perkhidmatan *e-hailing* (iaitu merangkumi syarat-syarat ke atas syarikat perniagaan pengantaraan, pemandu, pengoperasian perkhidmatan dan kenderaan).
3. Bagi mengawal selia perkhidmatan ini, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan *bike-hailing* (iaitu satu aktiviti yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan menggunakan motosikal).
4. Memandangkan proses pindaan undang-undang akan mengambil masa kerana termasuk memerlukan pembentangan dan kelulusan di Parlimen, Kerajaan telah bersetuju supaya syarikat perniagaan pengantaraan yang berminat menyediakan perkhidmatan *bike-hailing* ini dibenarkan melaksanakan proses rintis atau Proof of Concept (POC).
5. Di sepanjang tempoh POC ini, pihak syarikat perniagaan pengantaraan boleh membuat persiapan dan pengujian pelaksanaan perkhidmatan *bike-hailing*. POC ini juga akan turut membolehkan pihak Kerajaan dan syarikat perniagaan

## NO. SOALAN: 28

pengantaraan untuk mengumpul data, menilai tahap permintaan, menilai tahap penerimaan dan lain-lain keperluan operasi berhubung perkhidmatan bike-hailing ini.

6. Bagi tujuan keselamatan dan penyeragaman, Kementerian Pengangkutan akan menetapkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat pengendali dalam melaksanakan proses POC ini. Antara syarat yang akan ditetapkan adalah:
  - (i) Lokasi hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
  - (ii) Pemandu hendaklah mempunyai lesen memandu penuh dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
  - (iii) Hanya satu penumpang dibenarkan dibawa pada satu-satu masa, dan umur penumpang hendaklah tidak kurang daripada 18 tahun;
  - (iv) Hendaklah menggunakan tanda pakaian dan tanda di motosikal yang jelas;
  - (v) Dan hendaklah mematuhi semua peraturan jalan raya sepenuhnya.
7. Kementerian juga akan menetapkan syarat minima di dalam aplikasi fungsi tempahan supaya penumpang dapat memilih jantina pemandu/penunggang.
8. POC ini akan bermula mulai Januari 2020. Tempoh POC pula akan ditetapkan selama enam bulan. Namun begitu, hasil penemuan ke atas kajian keberkesanan perkhidmatan bike-hailing hanya akan diperolehi selepas POC tamat dan selepas semua data yang dikumpul dianalisa. Kementerian akan memaklumkan semula hasil kajian keberkesanan ini setelah semua proses berkenaan dimuktamadkan.
9. Pada masa ini Kementerian bersama agensi seperti APAD dan JPJ sedang memperincikan semua peraturan dan tatacara serta semua persiapan di peringkat pentadbiran berkaitan pelaksanaan POC ini.

Sekian, terima kasih.